


www.usim.edu.my



Risalah USIM

THE NEWS BULLETIN OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Issue no.19, (Januari-Jun 2013) :: ISSN : 1511-9319



Anugerah buku terbaik
MAPIM 2012
milik **Penerbit USIM**

NAIB CANSELOR USIM

dianugerahkan
Ijazah Kehormat
University of Glasgow



Kerajaan Negeri Sembilan
sumbang **RM500,000.00**
kepada USIM

MEMPELORNI SAINS ISLAM • MEMIMPIN KEILMUAN
PIONEERING ISLAMIC SCIENCE • SPEARHEADING KNOWLEDGE



9 771511 931008





Integrasi ilmu NAQLI & AQLI



Membentuk

GENERASI UNGGUL

www.usim.edu.my



Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800,
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +606-798 8000 Emel: helpdesk@usim.edu.my

SIDANG REDAKSI RISALAH USIM

Penaung

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail
Naib-Canselor

Penasihat

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni

Y.Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad
Timbalan Naib Canselor Akademik &
Antarabangsa

Y.Bhg. Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan &
Inovasi

Y.Brs. En. Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

Ketua Pengarang

Prof. Dr. Musa Abu Hassan
Pengarah
Pusat Komunikasi Strategik (StraComm)

Penolong Ketua Pengarang

Dr. Faizal Kasmani
Timbalan Pengarah
StraComm

Sidang Pengarang

Prof. Madya Dr. Rosni Samah
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Pn. Norhana Abdullah
Pensyarah
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Cik Noor Adibah Mohamad
Pegawai Penerbitan
Bahagian Penerbitan

Pn. Syazlyna Jamil
Penolong Pendaftar
StraComm

En. Mohd Zaini Othman
Penolong Pendaftar
StraComm

Pn. Noorumaina Mohamed Yunus
Penolong Pegawai
StraComm

Konsep & Rekabentuk

En. Mohd Saiful Abdul Samad
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
StraComm

Cik Wahida Abbas
Pereka Grafik
StraComm

En. Mohd Mua'limin Ab. Jalil
Pereka Grafik
StraComm

Fotografi

En. Ahmad Adib Jumhuri
StraComm

Mohd Yusrizal Mohd Yunus
StraComm

En. Kamarull Syamzari Kamaruddin
Stracomm

Cetakan

Threecomm Design & Media

PENA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 USIM.

Syukur Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya kita diberi kesempatan untuk kita bertemu. Terima kasih diucapkan kerana memberi peluang untuk saya menyampaikan kata-kata aluan dalam Risalah USIM. Tahniah kepada sidang editor kerana berjaya meneruskan tradisi penerbitan Risalah USIM bagi Edisi ke-19 untuk tahun ini.

Keluaran Risalah USIM kali ini menampilkan identiti baharu. Kelainan yang ditonjolkan adalah penjenamaan semula dan pembaharuan dari segi rekaan, isi kandungan dan penambahan ruangan-ruangan yang lebih mesra pembaca.

Terbitan pertama untuk tahun ini memuatkan pelbagai peristiwa bersejarah yang dicatat oleh seluruh warga USIM termasuklah kakitangan dan pelajar. Antara fokusnya adalah Amanat Tahun Baharu 2013 oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail yang menjadi pencetus utama kepada keteguhan pencapaian warga USIM untuk masa kini dan seterusnya.

Di samping itu, pelbagai pencapaian cemerlang yang dilakar di peringkat nasional dan antarabangsa oleh seluruh warga USIM juga dipaparkan. Majlis Anugerah Kualiti Inovasi (AKI) 2012 telah disambut meriah bagi menghargai kakitangan USIM yang cemerlang manakala Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2013 telah menobatkan

dua orang pensyarah USIM sebagai pemenang utama.

Menghiasi ruangan Travelog adalah Misi Akademia ke Gaza, sementara Bahagian Hal Ehwal Pelajar memaparkan pelbagai kegiatan mereka seperti Misi Bantuan ke Kemboja yang mempamerkan budaya dan niat murni yang dimiliki oleh warga USIM.

Adalah diharapkan coretan-coretan menarik yang terkandung di dalam Risalah USIM ini akan menjadi pencetus semangat kepada warga USIM untuk mencipta lebih banyak sejarah yang boleh menjadi khazanah bernilai buat generasi USIM yang akan datang. Buat pemegang taruh yang lain, diharapkan Risalah USIM ini dapat memberi gambaran sepintas lalu tentang peristiwa yang berlaku di USIM.


Akhir kata, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua PTJ yang telah bekerjasama dalam memberi maklumat untuk dimuatkan dalam Risalah USIM ini.



Ketua Pengarang
Prof. Dr. Musa Abu Hassan



ALUAN NAIB CANSELOR



Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah melimpahkan rahmat-Nya dengan memberikan kesempatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah-dua kata di dalam penerbitan Risalah USIM Bil.19/2013, yang juga merupakan coretan tinta untuk kali pertama di dalam penerbitan ini sejak dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

USIM merupakan universiti yang sangat unik dan mampu memberi momentum terhadap nilai tambah intelektual kepada generasi akan datang. Paduan antara ilmu Naqli dan Aqli menjadi ramuan istimewa untuk Universiti ini terus unggul merealisasikan kesepaduan ilmu dalam seluruh aspek kehidupan, sebagaimana intipati Islam itu sendiri di mana ada sains di dalamnya dan sains itu pula adalah salah satu tunjang kepada keilmuan Islam.

Penggemblengan dan kesepaduan yang digarap oleh warga USIM sama ada tenaga pengajar, staf pentadbiran dan mahasiswa/i telah mengangkat martabat institusi ini di persada negara dan antarabangsa sehingga terpacu jejak di tanah bumi kiblat pertama umat Islam. Ternyata segala anugerah dan pengiktirafan yang dicapai pada tahun ini tidak lain dan tidak bukan hasil daripada usaha yang berterusan dengan kudrat yang jitu demi menghayati erti kejayaan sebenar.

Tahun 2013 ini menjadi saksi bahawa kita telah dan akan berjaya bersama-sama melaluinya sebagai satu pasukan yang kuat dalam menghadapi segala cabaran, dalam masa yang sama merealisasikan segala amanah serta tanggungjawab yang ada untuk memimpin keilmuan dalam memelopori sains Islam.


Akhir kalam, tahniah diucapkan kepada semua pihak terutamanya Sidang Editorial Risalah USIM kali ini kerana berjaya merekayasa imej serta citra penerbitan ini ke tahap yang lebih berkualiti. Saya sentiasa berdoa agar dengan iringan kelimpahan rahmat dan keredhaan daripada Allah s.w.t, USIM akan terus mengorak langkah bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terbilang berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Selamat maju jaya dan semoga kejayaan mengiringi kita.

Salam hormat.

MEMPELOPORI SAINS ISLAM • MEMIMPIN KEILMUAN
PIONEERING ISLAMIC SCIENCE • SPEARHEADING KNOWLEDGE

AMANAT TAHUN BARU 2013



USIM Punyai Semua Rencah dan Ramuan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Asma Ismail telah memulakan tugas secara rasmi sebagai Naib Canselor USIM pada 1 Disember 2012. Berlatar-belakngkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik dan pengurusan, beliau ingin membawa Universiti ini ke tahap yang lebih gemilang.

Pertamanya, tahniah diucapkan kepada Dato' di atas perantukan sebagai Naib Canselor ketiga USIM dan menjadi Naib Canselor wanita pertama di sini. Apa pandangan Dato' setelah memulakan tugas secara rasmi di USIM?

Setakat ini Alhamdulillah, semua warga USIM telah memberi sokongan penuh kepada semua aktiviti yang telah kita usahakan walaupun hingga lewat malam ataupun pada hujung minggu. Saya juga mendapati pelbagai Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun ingin mengenali USIM dengan lebih dekat dan pihak industri juga ingin mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan USIM. Banyak juga universiti termasuk Universiti Islam yang ingin mengadakan kolaborasi dengan USIM kerana mereka memandng USIM sebagai penggerak utama dalam pelbagai bidang. Perkara ini semua merupakan peluang keemasan untuk kita menerokai suatu kolaborasi yang harus dipupuk, dibina dan dipelihara.

Melihat semua peluang ini, saya berharap pengalaman saya dalam Pengurusan Tertinggi di Universiti APEX, Universiti Sains Malaysia yang juga merupakan Universiti Penyelidikan terulung di Malaysia, serba sedikit akan membantu mempercepatkan perjalanan USIM ke arah kegemilangan. In-sya- Allah.

Dato' pastinya mempunyai perancangan untuk membawa USIM ke tahap yang lebih gemilang. Oleh itu, apakah intipati utama yang ingin Dato' bawakan

untuk diberi perhatian oleh warga USIM?

Sebelum kita dapat berusaha membina USIM, kita perlu dahulu melihat pencapaian USIM setakat ini. Contohnya dalam program akademik, SETARA telah menunjukkan pencapaian 5 bintang sama tahap dengan universiti-universiti ulung di Malaysia. Dan terkini pencapaian D-SETARA yang hanya mencangkupi bidang yang terhad, walaupun pada umur yang muda, USIM telah mendapat 3 bintang bagi program perubatannya jika dibandingkan dengan universiti gergasi yang mencapai 4 bintang, ianya merupakan suatu pencapaian yang boleh dibanggakan walaupun kita baru setahun jagung.

Sebagai Naib Canselor yang ketiga, saya dapati bahawa warga USIM (staf akademik, pentadbiran, sokongan dan pelajar) sudah matang dan mampu *memberi pendapat tentang bagaimana USIM harus bergerak ke arah kegemilangan*. Dengan ini adalah menjadi hasrat saya bermula dengan tahun 2013, agar perjalanan seterusnya Universiti ini adalah berlandaskan kepada tanggungjawab bersama (*shared responsibility*), dikemudikan bersama untuk membina dan membawa USIM ke arah kegemilangan.

Membawa USIM ke tahap yang lebih gemilang menuntut kepada cabaran yang amat besar. Apakah strategi yang akan Dato' gunakan?

Cabaran dan perubahan landskap pengajian tinggi adalah dinamik dan kita perlu susun-atur langkah Universiti ini dengan rapi agar USIM masih relevan dengan perubahan, tuntutan masyarakat dan pemegang taruh peringkat pengajian tinggi. Di antara cabaran yang perlu dihadapi oleh USIM termasuk kemampuan universiti untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli, memupuk keserjanaan ahli akademik yang terbilang, menyediakan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kondusif, persekitaran bekerja dan belajar yang kondusif serta memastikan kelestarian kewangan.

Selain itu, cabaran yang lain adalah kemampuan Universiti untuk menghasilkan profil pelajar unggul yang mencerminkan keluaran USIM, menghasilkan jaringan dengan industri dan hubungan antarabangsa yang menyerlah, menyediakan pentadbiran unggul yang cekap dan efektif dan keberkesanan kita merakyatkan ilmu dengan projek libat sama komuniti. Tidak kurang pentingnya juga, adalah menjenama dan memposisikan universiti ini agar dekat di hati masyarakat.

Sekiranya jawapan kita menunjukkan yang kemampuan USIM adalah masih di tahap sederhana, maka kita harus lakukan transformasi berstruktur (*transformation by design*) dan bukan berharap Universiti ini gemilang dengan cara kebetulan (*by chance*). Kesemua cabaran yang saya sebutkan telah dibincangkan di dalam beberapa bengkel termasuk gabungan dengan pelajar agar konsep shared responsibility dipraktikkan untuk kita bersama-sama membina USIM.

Dato' amat memberi penekanan kepada menjenama dan memposisikan USIM dengan sebaiknya, boleh Dato' terangkan lebih lanjut.

Sesebuah IPT untuk kekal relevan perlu melakukan perubahan atau transformasi yang sesuai dengan peredaran zaman dan kehendak semasa agar tidak ke belakang dan terperangkap dalam corak pemikiran yang sama dan kaku. Menyedari hakikat ini, kita telah mengorak langkah untuk menyemak kembali usaha penjenamaan dan memposisi dalam usaha melonjakkan nama Universiti di hati rakyat.

Saya berterima kasih pada warga USIM yang telah mencadangkan strategi dan tindakan yang harus dilakukan untuk memperkasakan jenamaan dan posisi USIM di peringkat nasional dan antarabangsa. Suka untuk saya nyatakan, identiti universiti daripada segi namanya harus diberi perhatian dan tidak dianggap sebagai remeh atau perkara yang kecil. Nama universiti perlu disemat dalam sanubari setiap warga USIM kerana ia membawa *pride and loyalty* kepada universiti. Dengan itu, di atas consensus dan persetujuan semua, kita akan menggunakan nama

“...kita harus lakukan transformasi berstruktur (*transformation by design*) dan bukan berharap universiti ini gemilang dengan cara kebetulan (*by chance*)...”

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi semua penerbitan dan urusan rasmi Universiti.

Banyak lagi perkara yang harus dilakukan dan diselaraskan untuk melakukan *branding and positioning* bagi universiti ini. Ia merupakan satu tanggungjawab yang berat yang memerlukan perhatian serta susun langkah yang rapi lagi teliti. Untuk meningkatkan jenamaan serta memposisikan USIM untuk masa hadapan, adalah penting kita melakarkan pemetaan transformasi berstruktur yang betul lagi komprehensif bagi universiti ini supaya dapat membawanya ke mercu kegemilangan.

Pada nama Universiti sendiri sudah menggambarkan kita membawa elemen Sains Islam. Bagaimanakah elemen ini akan diperkasakan lagi?

Dalam konsep Universiti sebagai gedung ilmu di mana pengetahuan baharu ditemui, diterokai, disampaikan pada pelajar dan kemudiannya dipindahkan pada masyarakat, USIM terpanggil untuk memacukan nama universiti dengan mempelopori Sains Islam.

Setakat ini untuk pengetahuan semua, sekiranya disemak dalam Google, hanya USIM satu-satunya universiti di Malaysia yang diharapkan untuk berdaya saing dan memacu Sains Islam. Ini merupakan Blue Ocean kepada kita kerana tidak ada universiti selain daripada kita yang diberi pengiktirafan demikian dalam internet atau kaca mata dunia perihal Sains Islam di Malaysia. Ini tidak bermakna kita harus lalai kerana banyak lagi universiti yang akan mengambil kesempatan untuk menerajui Sains Islam walaupun nama universitinya tiada kaitan langsung dengan Sains Islam.

Peluang ini terbuka pada USIM kerana dalam amanat YB Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini kita dapati bahawa Kementerian sudah membuka peluang bagi Universiti Komprehensif Berfokus seperti USIM untuk memacu bidang *niche* atau tujahan penyelidikan dan inovasi masing-masing dengan kewujudkan dana khas penyelidikan sebanyak RM10 juta untuk Universiti Komprehensif Berfokus membangunkan bidang tujahan mereka. Di antara bidang yang dibuka untuk dibida adalah Sains Islam dan USIM perlu mengatur langkah untuk menyahut cabaran tersebut.

USIM masih belum menonjolkan kehebatannya dalam penerbitan jurnal, buku, tesis serta geran penyelidikan

yang betul-betul mencerminkan Sains Islam. Dengan itu untuk menyahut cabaran ini, pada 2013 kita telah menubuhkan Institut Sains Islam atau Islamic Science Institute (ISI). Adalah menjadi perancangan kita untuk menjadikan ISI sebagai Pusat Kecemerlangan yang unik, berfokus dan berkualiti supaya ianya menjadi pusat rujukan global bagi Sains Islam. Institut ini akan menggabungkan kepakaran USIM untuk melahirkan pemimpin dunia bersifat unggul yang mampu memelopori Sains Islam dan menghasilkan ilmu dan inovasi yang akan mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat. Institut ini adalah sebahagian daripada rantai nilai sebagai usaha untuk melahirkan pemenang Hadiah Nobel bagi Negara.

Agenda USIM untuk melahirkan pemimpin masa depan yang bersifat unggul akan terus menjadi fokus. Apakah pendekatan terkini yang akan Dato' terapkan?

Penubuhan USIM yang berhajat untuk membawa Pendidikan Islam dalam arus pendidikan perdana adalah amat murni. Melalui penerapan Pendidikan Islam yang kukuh, USIM akan melahirkan mahasiswa/i yang sudah sedia menjadi cendekiawan, profesional mahupun pemimpin Islam masa hadapan yang cemerlang dan dibaluti erat jiwanya dengan personaliti nilai-nilai murni atau unggul. Mereka akan melihat kepentingan komuniti atau masyarakat melebihi kepentingan diri. Malah kecekalan dan daya tahan mereka amat luar biasa dalam mendepani cabaran dan dugaan kerana mempunyai pegangan dan kefahaman yang kukuh kepada al-Quran dan Sunnah.

Lantaran itu, USIM akan mewujudkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau University Community Transformation Centre (UCTC) berasaskan nic USIM dengan menggerakkan kepakaran dan infra fizikal Universiti untuk mentransformasi masyarakat setempat dan seantero. Pendekatan baharu melalui platform IM4U Outreach yang bakal diwujudkan di USIM akan dioptimumkan untuk menambah pengalaman pelajar dan memperteguhkan tanggungjawab sivik mereka kepada masyarakat melalui libat sama (engagement) mereka dalam menyelesaikan masalah sebenar masyarakat melalui ilmu yang dipelajari. Pengalaman sedemikian akan menjadikan mereka sebagai rakyat yang menyumbang kepada pembangunan Malaysia.

Ahli akademik tidak dapat lari dari budaya penyelidikan. Apakah strategi Dato' untuk menyemarakkan budaya penyelidikan dan inovasi di Universiti?

Untuk meningkatkan tahap kegemilangan penyelidikan dan inovasi, kita tidak boleh lari dari 3 faktor besar iaitu Penerbitan, Harta Intelek dan Bakat (staf akademik, Pascasiswazah, Siswazah, Pascadoktoral). Persekitaran yang kondusif perlu disediakan untuk pensyarah bagi membantu mereka untuk mula menyerlah dalam penyelidikan dan



inovasi. Penyelidikan tidak boleh terserlah sekiranya pascasiswazah tidak diperkasakan. Dengan itu kita telah usaha menyediakan kemudahan atau Enablers untuk meningkatkan budaya penyelidikan dan inovasi di USIM.

Antaranya, untuk menolong pensyarah berjinak dan mula mendapat "seed data" supaya mampu memohon geran kompetitif yang lebih besar, kita telah memulakan Geran USIM yang membantu pensyarah dari mula menjalankan penyelidikan sehingga beliau mampu berkerja secara team atau kluster yang pelbagai disiplin. Usaha untuk fail paten juga telah diberi peruntukan. Universiti juga dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia akan memperkasakan pameran i-INOVA (*Islamic Innovations*).

Soalan terakhir dari Risalah USIM, Dato' kini adalah nakhoda USIM. Justeru itu, apakah harapan Dato' kepada warga Universiti untuk membawa Universiti menuju puncak kegemilangan?

Kita di USIM harus ke hadapan dengan kekuatan kita dalam Pengajian Islam dan kemampuan kita untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli. Dengan itu, dalam semua aspek, pastikan kita di USIM jangan hanya memberi dalih tapi biarlah berkata boleh dalam semua usaha dan perancangan kita. Barulah kita cekat untuk mara ke hadapan dan sekaligus membina kegemilangan USIM.

Sama-samalah kita bekerjasama serta berkongsi tanggungjawab dengan senada dan sehaluan untuk membina USIM ke tahap yang dihormati dan sentiasa dirujuk untuk program akademiknya, Sains Islamnya, penemuan penyelidikannya serta sahsiah kebolehan pelajarnya malah stafnya yang bersifat unggul hingga peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Bersesuaian dengan Firman Allah SWT yang bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehinggalah kaum itu sendiri yang menggubahnya".

- Surah Al Ro'du ayat 11.

ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI 2012 HARGAI KECEMERLANGAN KAKITANGAN USIM



Penghargaan dan pengiktirafan telah diberikan kepada kakitangan cemerlang di Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI) 2012 yang merupakan acara kemuncak Minggu Kualiti dan Inovasi (MKI) 2013 bertempat di Sama-Sama Hotel, Sepang.

Sebanyak 15 anugerah dipertandingkan antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (108 penerima), Anugerah Terpuji (67 penerima), Anugerah Pengajar Cemerlang (9 penerima), Anugerah Penerbitan (9 penerima), Anugerah Penyelidikan (4 penerima),

Anugerah Staf Contoh Tahunan (4 penerima), Anugerah Pentadbir Cemerlang (1 penerima), Anugerah Khidmat Masyarakat (1 penerima), Anugerah Inovasi dan Rekacipta (3 penerima) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa (3 penerima).

Fakulti Sains & Teknologi (FST) dan Jabatan Perpustakaan mengungguli Anugerah Kualiti Naib Canselor kali ini, manakala Timbalan Dekan FST, Prof. Madya Dr. Norita Md Norwawi dipilih sebagai Tokoh Hasanul Mudir 2012. Kesemua penerima menerima hadiah dalam bentuk wang tunai, sijil simpanan premium beserta sijil penghargaan.

Mencipta kelainan, penganjuran AKI 2012 yang diurusatiakan secara bersama oleh Pusat Pengurusan Kualiti dan Perancangan Korporat (PPKPK) dan Jabatan Pendaftar turut dihadiri Naib Canselor, YBhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail dan Pengurusan Universiti yang dirasmikan oleh YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin. Julung-julung kali di buat di luar USIM, majlis turut meraikan Mantan Naib Canselor Kedua USIM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda sebagai penerima Anugerah Sumbangsih.

ANUGERAH BUKU TERBAIK MAPIM 2012 MILIK PENERBIT USIM



Buat julung kalinya, Penerbit USIM berjaya memenangi Anugerah Buku Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial (KSS)) untuk buku bertajuk Yusuf Al-Qadrawi dan Pengaruhnya dalam masyarakat Islam di Malaysia semasa Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2012 yang diadakan di Hotel Marriot, Putrajaya bagi meraikan mereka yang terbaik dalam penerbitan buku.

Dr. Rumaizuddin Ghazali, pensyarah Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP) memenangi hadiah utama berupa wang tunai RM12,000.00, trofi dan sijil. Penerbit USIM menerima RM3,000 beserta sijil dan trofi mengagap kejayaan bermakna kerana berjaya menandingi rakan penerbit dari universiti-universiti lama dan mantap. USIM turut memenangi Kategori Anugerah Buku Terbaik Bukan MAPIM (Kemanusiaan dan Sains Sosial) yang bertajuk Shahriah Governance in Islamic Banks yang dikarang oleh Dr. Zulkifli Hassan, pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU).

Majlis dihadiri oleh YBhg. Datuk Ab. Rahim Md Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, YBhg. Dato' Prof. Dr. Morshidi Sirat, Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi dan juga YBhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM. Ia turut diraikan oleh ahli-ahli JKPU USIM yang lain seperti YBhg. Prof. Dr. Musa Bin Ahmad, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, YBhg. Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah serta ahli jawatankuasa penerbitan dan tetamu-tetamu yang lain.

STAFF PROFILE



PROF. DR. MUSTAFA MOHD HANFAH

Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)

Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah was appointed as the Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation) of University Sains Islam Malaysia (USIM) in April 2013. This new appointment, however, is not the maiden of his portfolio. He had previously held the post of the Dean for the Centre for Research and Innovation.

Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah is well acquainted with the challenges in creating an innovative research environment in a relatively young University. He spoke to the Deputy Director of Strategic Communication Centre (StraComm), Dr. Faizal Kasmani, about his hope and aspiration to bring the mission of integrating the knowledge of Naqli and Aqli to the forefront of USIM's research strategy.

What is your strategy to ensure that we could stand shoulder to shoulder with established Universities in terms of research and innovation?

When I was appointed as the Dean of Research and Innovation Center about three years ago, my thought was how to create a great research culture and good

conducive research environment for USIM?

At that time, everyone concentrates more on teaching, which is quite normal for any new University. So, there is the need for the creation of a valuable research culture for our University.

Initially, the assignment was considered to be a big

task, because it is not easy to create such a culture and then proceed building the strength in terms of research capabilities, leadership and so on. But Alhamdulillah, I think within two years of existence I can see the up-trends in terms of grants from the Ministry of Education and Ministry of Science, Technology and Innovation, which are the two main sources of our grant. In the year 2012, we managed to get more than five million research grants from the Ministries, multiple of the previous years.

Beside the grants from the Ministries, there are other bodies giving research grants to our University through the efforts of our academic staffs. For example, they were managed to secure grants from MAINS (Majlis Agama Islam Negeri) and this was achieved due to the uniqueness of our strength towards 'research and innovation' as well as integrating the knowledge of Naqli and Aqli for societal development.

The integration of Naqli and Aqli knowledge could be regarded as the main vision of USIM. How far we have succeeded in achieving that vision?

Our strength is to look into the Islamic perspective, be it science, technology, medicine, dentistry and banking, to mention but a few. There are lots to be studied and there is ample opportunity for us. So, whenever I had a meeting with our staffs purposely to promote our research culture, I always emphasized on the fact that we must embark on research that incorporates our Islamic perspective (Naqli and Aqli).

Even the ministries are always emphasized to us that USIM, have to focus its research majorly on Islamic Science, something related to Quran and Sunnah. As a result of this, USIM have developed several Centers of Excellent such as INFAD, IHRAM, ACREDA and so on.

One of the mandates of our Vice-Chancellor is to bring USIM towards being the global reference center for Islamic Science. What are the challenges in realizing that aspiration?

To me, that is the blue ocean for USIM, even in the blue ocean strategy, we don't have to compete with everyone, but with ourselves. As I mentioned just now, USIM's strength is that we have something to look and to study into, whereby others do not have the opportunity at all. We have the strength to look into Islamic Science. It is not an easy task and definitely it is going to take some time because we just started. The research culture is already there, which makes me very happy. Now we have to build the strength and to achieve this, we need a good staff with the required qualities such as the right mentality, the right culture and people with the right understanding of the mission and vision of USIM.

What is the role of our academics at USIM in realizing and developing Islamic Science?

Science per se, when we say science, it is not only referring to technology or medicine, because a lot of books have defined Science in a broader sense. Even Social Science is considered a Science, as long as you follow the scientific procedures, regardless whether you are using the lab or not using the lab, everything is Science. If any USIM academics works on only western literatures, they may discover some element needed but the most required information or components is basically on what is available in the holy Qur'an, Sunnah as well as Islamic manuscripts. This is why USIM is endowed with Islamic Science Institute, whereby all the manuscripts are to be examined due to its composition of a wider field of knowledge.

In lieu of this, we have to go back to the basic understanding of Al

Quran and Sunnah. Though some of us do not have the knowledge yet but, we have people who are expert in Islamic studies especially in the Faculty of Quran and Sunnah as well as Faculty of Shariah and Law. That is what we call the integration of knowledge. This also applicable to Islamic Finance and Banking, where we are inviting people from the business world as well as Shari'ah experts who are conversant with Islamic laws and excel in proposing Islamic banking frame work.

To crown it all, there must be total commitment from our academic staffs, because it is not easy to become a seasoned lecturer in any University without a thorough job outside the four wall of teaching. This exercise includes paper presentation, writing of journals as well as publications. In addition, nowadays, the major challenge facing any academic staff is the need to have publications in good indexed journals. In short, there must be 100% commitment from our academic staffs irrespect of your status whether senior professors or junior lectures, you have to be committed to teaching, research and publications.

“...now we have to build the strength and to achieve this, we need a good staff with the required qualities such as the right mentality, the right culture and people with the right understanding of the mission and vision of USIM.”

NAIB CANSOLOR USIM DIANUGERAHKAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITY OF GLASGOW



YBhg. Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, mencipta sejarah apabila menjadi ahli akademik pertama dari Malaysia dianugerahkan Honorary Degree Doctor of Science (DSc) dari Universiti of Glasgow, Scotland sempena *Commemoration Day*

University atas sumbangan beliau kepada masyarakat melalui kepakaran yang dimiliki dalam bidang mikrobiologi dan bioteknologi perubatan.

Kit yang dihasilkan iaitu TYPHIDOT berfungsi mengesan demam kapialu telah dipasarkan ke 18

buah negara miskin, membantu lebih daripada 2 juta masyarakat di seluruh dunia dalam aspek penjagaan kesihatan, malah membuka 500 peluang pekerjaan dan lebih USD 5 juta dijana walaupun dijual pada harga yang murah.

Pencapaiannya menganggotai pelbagai pertubuhan di peringkat nasional dan dunia, antaranya sebagai Penasihat di WHO untuk vaksin dan penyakit berjangkit sejak 2002, ahli Third World Academy of Sciences (TWAS), dan memecah tradisi sebagai wanita pertama dilantik ke jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di USM (2008-2012), Timbalan Presiden di Akademi Sains Negara (2012-2014) dan Naib Canselor di USIM (2012-2015). Beliau boleh disifatkan sebagai ikon wanita dan menjadi contoh ikutan terbaik atas keserjanaan pencapaiannya.

MENGURUS UNIVERSITI MELALUI PEMBIAYAAN WAKAF



Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhasrat memelopori pembangunan dan pengurusan IPTA dalam bidang baharu iaitu pembiayaan wakaf. Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) sebagai model secara profesional mendorong Pengurusan Universiti yang

diketuai YBhg. Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Asma Ismail berkunjung ke sana bagi mendapat perkongsian ilmu atas kecemerlangannya di Singapura.

“Di sinilah menjadi keperluan dan cabaran utama IPTA untuk menggunakan peruntukan operasi yang diberikan kerajaan bagi menggembeleng penjana kewangan secara wakaf serta diuruskan hasil penjana ini secara syariah dan professional”.

Selaras memperkasakan hasrat tersebut, Prof. Dato' Dr. Hj. Mohamad Hj. Alias, Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM yang turut serta dalam lawatan berkata, keperluan kepada pengurusan dan governan wakaf

secara korporat dan profesional sebagaimana diamalkan di Singapura amat diperlukan oleh negara.

“Selain dana wakaf tunai, konsep sukuk musyarakah yang melibatkan perkongsian dana di antara pelabur dan MUIS juga boleh dijadikan rujukan. Pembangunan hartanah wakaf secara profesional ini menghasilkan pulangan yang besar kepada MUIS untuk disalurkan semula kepada umat Islam yang memerlukan,” katanya.

“di sinilah menjadi keperluan dan cabaran utama IPTA untuk menggunakan peruntukan operasi yang diberikan”...



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN SUMBANG RM500,000 KEPADA USIM

Kerajaan Negeri Sembilan memberikan sumbangan RM500,000.00 kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas usahanya dalam pembangunan dan pengantarabangsaan pelajar. “Ia memberi ruang kepada pelajar untuk beramal kepada masyarakat tanpa mengira bangsa mahupun agama, samada di dalam atau di luar negara,” ucap Menteri Besar pada majlis penyerahan sumbangan itu serta pelancaran program 1M4U Outreach Centre dan University Transformation Centre di USIM.

“Program sebegini yang dilaksanakan oleh pihak USIM juga adalah sesuatu yang tepat pada masanya seperti mana hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu melihat golongan belia melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan yang dapat mendatangkan faedah kepada kumpulan sasaran,” katanya.

Katanya, kerajaan adalah sebagai pemudah cara dengan bantuan kewangan, tunjuk ajar dan sebagainya untuk golongan belia dalam memastikan segala aktiviti berjalan lancar.

“Mahasiswa jangan terlalu asyik dengan kesenangan dan kekaburan dunia”. Harapan itu diluahkan Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB. Dato’ Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan ketika Majlis Penyerahan Sumbangan Kerajaan Negeri Sembilan serta Pelancaran 1M4U Outreach Centre dan University Community Transformation Centre (UCTC) yang berlangsung di Galeri Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM).

Dalam majlis tersebut, beliau menyerahkan cek sumbangan bernilai RM500,000.00 kepada pihak USIM sebagai kesinambungan daripada janji YAB. Menteri Besar untuk membantu USIM semasa menyampaikan amanat beliau ketika Minggu Ta’aruf Pelajar Baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2012/2013 lalu.

“Telah menjadi hasrat YAB. Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd Najib Tun Razak supaya setiap IPTA menubuhkan 1Malaysia 4Youth Outreach Centre (1M4U). Ini bertujuan untuk memberi dorongan dan memupuk budaya kesukarelawan di dalam diri setiap pelajar agar mereka prihatin dan mengambil berat dengan persekitaran. Pelajar juga digesa menyumbang khidmat dan bakti kepada komuniti dan masyarakat yang memerlukan sokongan tanpa mengira peringkat umur dan bangsa samada di dalam atau di luar negara,” ujarnya lagi.

Pelbagai aktiviti sampingan diadakan di sekitar Galeri Hal Ehwal Pelajar yang disertai oleh pelajar dan masyarakat yang hadir ke program ini. YAB. Menteri Besar turut dibawa melawat demonstrasi khat, membuat kek, persembahan kesenian kompang dan selawat pelajar pra-sekolah, demonstrasi tulisan Braille bersama orang kelainan upaya yang merupakan antara aktiviti kesukarelawan pelajar USIM.

USIM EXPANDS EMPIRE TO THE MIDDLE EAST



USIM delegation headed by the Vice-Chancellor, Prof Dato' Dr Asma Ismail, went to Middle East for a working visit in 3 countries namely of State of Kuwait, Qatar and Sultanate of Oman from 10th -17th May 2013. Risalah USIM team had the opportunity to interview two of the delegates, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Deputy Vice-Chancellor (Academic and International) and Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah, Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation) about the working visit.

“The responses were really, very good and I would say that it was beyond our expectations”

-Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Deputy Vice-Chancellor Academic and International

What were the objectives of the visit?

Prof. Dato' Dr. Musa: The objectives of the visit are to strengthen our collaboration with those countries that we visited. At the moment we have a few students coming from these three countries. With the visit we hope will get more students from these countries to study in USIM. At the same time, we try to seek and strengthen our collaboration in research as well as to get research grant from Qatar Foundation. Apart from that, we are trying to explore the possibility of getting some 'waqaf' funding from Kuwait, Qatar and Oman in order to support some of the projects that USIM are planning to do.

Why were these 3 countries chosen for this working visit?

Prof Dato' Dr. Musa: As one of the missions is to seek for partners and funding for research, there are organizations in these three countries that provide such grants especially for research that would benefit the ummah. That is the main reason behind it.

What were the main activities conducted during the visit?

Prof. Dr. Mustafa: When visiting universities, of

course, the idea was to establish contact with them, to have more collaborative effort in various academic aspects for student, staff exchange and also for research. The main idea is to get funding for certain projects that we have identified in USIM for example to set up a mobile clinic that can provide medical services. Many activities were carried out in less than a week in Qatar, Kuwait and Oman. Depending on the type of organization we went to, for example, if a university of course we want to establish more on academic and research activities. In Qatar we visited Anti Doping Laboratory and that is very good because they are pioneer in anti-doping research and they are interested to have collaboration with USIM.

“We have the integration of Naqli and Aqli concept which is something new that we can promote” - Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah, Deputy Vice-Chancellor Research and Innovation

In your opinion what have USIM achieved so far from the visit?

Prof. Dato' Dr. Musa: Well, generally when we looked back after visiting those three countries, the responses were really, very good and I would say that it was beyond our expectations. Particularly, when we first

introduce on the Wakaf, they have no idea at all but after meeting with mufti of Qatar, the response was very positive and that they did follow up almost immediately. Similarly for the academic, when we approach them, when we go to our intention, we inform and brief them what is the product that we have in our University. The expectations that we get was beyond that, they did not just want to send their student to our University but they also interested to have USIM in their country, which is in Oman.

What about from research perspective Prof?

Prof. Dr. Mustafa: Alhamdulillah, in terms of research, although we were more interested in having collaboration in academic programmes, staff exchange and so on. These countries are very fast developing countries, we can see how Qatar is doing very well in research. Their foundation is giving a lot of money and funds that can also be applied by international researchers. What we offer is, we have the strength, niche areas and they were also impressed with USIM. We have the integration of Naqli and Aqli concept which is something new that we can promote. Alhamdulillah, we have partners over there like Qatar University, Anti Doping Laboratory, Qatar Foundation and now we are going to initiate projects with them and work together, come up with proposals, InsyaAllah, next year we can start bidding for this research grant. They are also interested but they have no expertise. We have expertise in Islamic Finance and Banking and Medicine. We will do that with the partners over there.

What would be the immediate result of this visit to USIM, perhaps our lecturer, staff and student of USIM out there would like know how could they act on this?

Prof. Dato' Dr. Musa: One of the immediate results is, about 18 students from Nizwa University are coming to USIM by the middle of June for short courses for the duration of 6 weeks. Basically this

is new experience to them because all this while they just explore countries like USA, UK but this time they will experience performing their Ramadan fast in USIM. That is considered the immediate effect from the visit, lots more are coming after this, depending on how good our follow up after this.

How about research Prof, how would they prepare for the immediate results of this visit?

Prof. Dr. Mustafa: I think the immediate results, of course, in Kuwait and Qatar. They have a foundation, the funds are available. Of course, our research proposals must be good enough so that we can submit within the deadline maybe December this year. So we have six months to get researchers in USIM and then connect them with the partners in Qatar and Kuwait. That is how it will work and hopefully we will get the grants next year. Our idea is of course the RMC (PPP) will start looking into the possibility of having joint collaboration with our researchers and the counterparts in those countries.



How do the expected collaborations that we will have later fit in USIM strategic planning in terms of academic?

Prof. Dato' Dr. Musa: OK, in terms of academic, we presented to them a few packages. One of them was our mobility programme and we also introduced our programme, whether they like to offer our programme in the form of offshore,

meaning they run our programme and we monitor them. Besides, we offered them in terms of affiliation, a type of programme. Basically they just take our programme and do some minor modifications and we monitor their progress or their quality. We are also doing some follow ups when we went to Kuwait, the Waqaf Ministry of Kuwait indicated to us earlier to run some of our programmes over there. Those are the packages we offered and got very positive responses from them. For instance we visited Al-Burami University College in Oman, and also Majan University Collage in Oman as well. These two universities, I would say that are hundred percent interested to be affiliated with USIM, particularly in the areas of Islamic Finance and Islamic Banking.

So, it does fit our strategic planning to be the references center for Islamic studies?

Prof. Dato' Dr. Musa: Correct, especially for USIM to champion in the areas of Islamic Finance and Islamic Banking.

How about research Prof, how does it fit into the strategic planning in terms of research?

Prof. Dr. Mustafa: Yes, in terms of research we looked into the grants, at the moment we are concentrating into grants available locally or from Ministry of Higher Education and Ministry of Education. But, we just could not depend on that alone but if our COEs (Centres of Excellence) and our researchers want to go abroad, definitely one would like to have international grants. When we obtain more international grants, the reputation of USIM will definitely increase and our MYRA ranking will also go up, InsyaAllah. All this will come true if we have international research collaboration. In order to do that, we could not just be writing to them, talking, sending email and so on. Communications through email is good but personal touch is not there. Being there, visiting and hugging them, getting closer and getting to know what they are

doing and they also know what we are doing, our niche areas. We have a lot of areas, disciplines, the eight faculties Insyallah, we can promote all to the three partners and we will try to bring more international funding and become an international, global player.

Prof. Dato' Dr. Musa: Actually we are hoping to bring them over to USIM to let them know how USIM looks like, see our facilities and hopefully when they know us better we will come together and hopefully there will be more and further collaborations after that.

Prof. Dr. Mustafa: Because, in terms of research in Qatar and Kuwait especially for normal type of research, they are very much looking towards Europe or US, and that is undeniable because all this while US is the leading research country. Now we have certain advantage in certain areas especially in Islamic sciences and our COEs are very much involved in Islamic sciences for example, Islamic Sciences Institute (ISI), so this I think is very much fascinating them.



There are some unexpected things that happen during the visit, would you like to share with us?

Prof. Dato' Dr. Musa: I would like to highlight some positive ones. During our visit to Oman, we were invited by Prof Hajah's student, Abdul Rahman to come to his house and meet his family. But because our schedule in Oman was very tight, we could hardly find time but after discussing with the group, we decided to drop by on our way to the airport. During the visit, his uncle mentioned to

us that he is very interested to invite USIM to open a branch campus there. Basically, they are interested for USIM to offer three different programmes over there which are Food Biotechnology, ICT (Information Security), Islamic Banking and English. I think it is a very good opportunity. It is beyond our expectations and maybe if we do follow up closely with them it might materialize one day that USIM is going to have our own branch, far away from Malaysia, that is Oman.

Is there any other interesting points that you would like to highlight or share with the viewers regarding the visit?

Prof. Dato' Dr. Musa: Based on my experience in USIM, this is the most well planned visit ever, to overseas. We had series of meeting day and night, had all the materials ready because we were preparing hard that it became so good. We should make it SOP every time when we go abroad for visits like this. This is also, first time ever, maybe, we had sought opinions about a visit, about the timing, whether it is suitable or otherwise. We also came out with a few packages to be proposed to those parties we were going to visit. By doing that, we could suggest what they might need. All these advice we got from the embassies.



Prof. Dr. Mustafa: The team that went to these three countries was very good. There were lots of teamwork among us. There were four of us who can speak Arabic very well fluently and that were a good advantage. The objectives overall have been achieved and even much better than what we expected to achieve. Insyallah, the work now is definitely to follow

through and get it done, establish relationships and USIM will move forward. These three countries; Qatar, Kuwait and Oman are very beautiful, maybe after this GISO should also try go to these countries to see how the people live, to see their culture.





TRAVELOG - BUMI PALESTIN

Oleh: PM Dr Norita Md Norwawi
Timbalan Dekan (PPPP), Fakulti Sains dan Teknologi
Exco Persatuan Saintis Muslim Malaysia



Kembara Rohani - Misi Akademia ke Gaza

21HB -27HB JUN 2013

Misi Akademia ke Gaza adalah satu misi khas anjuran Bahagian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia. Misi ini adalah susulan lawatan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Gaza, Palestin menemui Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh pada bulan Januari 2013. Misi ini adalah sebagai satu komitmen dan tanda keprihatinan Malaysia kepada nasib saudara kita di Palestin di bawah tekanan rejim Zionis Israel.

Aqsa Syarif Berhad berpengalaman luas sebagai NGO cakna Palestin bertindak selaku Sekretariat di bawah projek Aqsa to Gaza 17 (A2G17-MyAM) dengan kerjasama Persatuan Saintis Muslim Malaysia (PERINTIS). Delegasi ini diwakili oleh 10 tenaga akademik dari lapan buah universiti termasuk Naib Canselor Al-Bukhary International University, Tan Sri Prof. Dr Dzulkifli Razak dan PM Dr Norita Md Norwawi mewakili USIM dan PERINTIS.

Kembara rohani ke bumi penuh barakah, bumi para pejuang, bumi syuhada menuntut kesabaran dan disiplin yang tinggi. Penantian selama 6 jam di sempadan Rafah menginsafkan akan nasib warga Palestin yang perlu melalui sempadan ini sejak sekian lama. Di Palestin, suasana yang tenang dan nyaman, udara yang segar sukar kelihatan kesan-kesan peninggalan perang melainkan bangunan-bangunan yang sedang dibina disulami jalinan ukhwah yang begitu mendamaikan benar-benar memberikan kesan yang mendalam.

Aktiviti utama misi ini adalah menghadiri Majlis Konvokesyen Islamic University of Gaza, suasana

yang sangat meransang semangat jihad dan Majlis Dialog Akademik Malaysia Palestin. Walaupun negara ini dalam suasana peperangan, pembangunan akademiknya hebat samada dari segi pencapaian mahupun komitmen para pensyarah dan pelajar yang sangat cemerlang. Dalam kata lain, Malaysia seharusnya belajar dari Palestin dari sudut keikhlasan berkhidmat, ukhwah yang mantap, semangat jihad yang tinggi dan komitmen dalam menuntut ilmu untuk membangunkan negara.

Delegasi misi juga dibawa mengunjungi Al-Aqsa University, University College of Applied Science dan Gaza University di samping madrasah yang menempatkan anak-anak para syuhada, dan para hufaz di Darul Quran. Hati bergetar apabila bertemu dengan kumpulan Mujahidin Palestin dan tersentuh nasib penduduk-penduduk miskin Gaza. Semangat juang Syeikh Ahmad Yassin juga begitu terasa sewaktu menziarahi keluarganya dan kawasan beliau gudur syahid.

Di samping itu, dapat dilihat kecekalan dan keazaman warga Palestin memberikan bekas sewaktu melawat projek Aqsa Syarif Berhad seperti projek pertanian di Khan Younis dan Kilang Roti Malaysia Palestin di Gaza hasil sumbangan rakyat Malaysia. Kemuncak kepada kembara adalah kunjungan mahabbah ke pejabat Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh bersama beberapa orang menteri kabinet. Sesungguhnya kembara telah membuka mata atas kealpaan diri sendiri dalam pelbagai sudut. Kualiti insan warga Palestin benar-benar melayakkan mereka menjaga Masjid Al-Aqsa.

ETHICS IN ISLAMIC FINANCE

Oleh : Zulkifli Hasan (Ph.D)
E-mail: zul361977@yahoo.com
